



بِهَآكِنَّا قِنْدِيْدِيْقِنَّا سِلَآمَر
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

GARIS PANDUAN

PERMOHONAN TINGKATAN ENAM (6)

SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

SEKOLAH AGAMA MENENGAH (SAM/SAMT)

& MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR

(MITS) NEGERI SELANGOR

TAHUN 2026

Disediakan oleh :
Unit Pengurusan Sekolah
Bahagian Pendidikan Islam
Jabatan Agama Islam Selangor

**SYARAT PERMOHONAN KEMASUKAN PELAJAR KE
TINGKATAN ENAM (6) SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)
SAM/ SAMT & MITS NEGERI SELANGOR**

SYARAT AM

1. **Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut :**
 - 1.1 Calon, ibu dan bapa Warganegara Malaysia ; **DAN**
 - 1.2 Calon , ibu dan bapa lahir di Selangor **ATAU**
 - 1.3 Calon bukan lahir di Selangor tetapi ibu atau bapa lahir di Selangor ; **ATAU**
 - 1.4 Ibu dan bapa menetap di Selangor / bermastautin lebih 15 tahun dan perlu mengisi borang pengesahan pemastautinan ; **DAN**
 - 1.5 Telah membuat permohonan ke SAM/SAMT secara atas talian di laman sesawang **esekolah.jais.gov.my**

SYARAT AKADEMIK

1. **Sekolah Agama Menengah (SAM) / Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) / Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS)**
 - 1.1 Lulus dengan baik (**Mumtaz, Jaid Jiddan atau Jaid**) dalam Peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) atau yang setaraf dengannya; **DAN,**
 - 1.2 Permohonan hanya dibuka kepada murid yang mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun semasa sahaja di Sekolah Agama Menengah (SAM/SAMT) dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) dan **telah mendaftar Peperiksaan SPM tahun semasa dengan pakej KBD; DAN,**
 - 1.3 Kelulusan adalah tertakluk kepada pencapaian terbaik murid dalam **peperiksaan SMA** atau **yang setaraf** dengannya dan **keperluan tempat** di sekolah yang ditawarkan (**keutamaan** diberikan kepada murid **SAM/ SAMT & MITS Negeri Selangor**).
2. **Sekolah swasta dan sekolah luar negeri Selangor**
 - 2.1 Permohonan hanya dibuka kepada murid yang mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun semasa sahaja di sekolah swasta yang **berdaftar dengan Jabatan yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)** dan **telah mendaftar Peperiksaan SPM tahun semasa; ATAU,**
 - 2.2 Murid yang mengikuti Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar Mesir. Murid hendaklah mengemukakan dokumen pengesahan mengikuti Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar Mesir selama **dua tahun** melalui **ujian / pentaksiran / peperiksaan dalaman di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5; DAN,**
 - 2.3 Tawaran adalah tertakluk kepada kesediaan tempat yang dipohon.

3. Sekolah yang menawarkan pengajian Tingkatan 6 STAM adalah seperti berikut ;
 - 4.1. SAMT Sultan Hisamuddin Jalan Kota Raja, Kampung Jawa, Klang
 - 4.2. SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis, Banting, Kuala Langat
 - 4.3. SAM Jeram, Kuala Selangor
 - 4.4. SAMT Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor
 - 4.5. SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38, Sabak Bernam
 - 4.6. SAMT Tengku Ampuan Jemaah Seksyen 11, Shah Alam
 - 4.7. SAM Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang
 - 4.8. SAM Pasir Panjang
 - 4.9. MITS Bagan Terap, Sabak Bernam
4. Calon yang berjaya akan ditawarkan mengikut zon yang telah ditetapkan atau berdasarkan kekosongan tempat.
5. Status permohonan boleh disemak di <https://esekolah.jais.gov.my>
6. Jabatan hanya meluluskan permohonan dan menawarkan tempat belajar sahaja. **Tawaran tidak termasuk pengurusan tempat tinggal atau asrama kecuali MITS Sabak Bernam.**

**ZON PENEMPATAN PELAJAR TINGKATAN ENAM (6) STAM
SAM/ SAMT & MITS NEGERI SELANGOR TAHUN 2026**

BIL	ZON PENEMPATAN	SAM/ SAMT	BIL KELAS	BIL PELAJAR
1.	SAMT SULTAN HISAMUDDIN KG JAWA, KLANG	i. SAMT Sultan Hisamuddin, Kg Jawa ii. SAM Sultan Hisamuddin, Sg Bertih iii. SAM Nurul Iman, Bukit Cherakah	2	70
2.	SAMT TENGKU AMPUAN RAHIMAH, SG MANGGIS, KUALA LANGAT	i. SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Sg Manggis ii. SAM Hulu Langat, Batu 10, Cheras iii. SAM Unwanus Saadah, Kanchong Darat	3	120
3.	SAM JERAM, KUALA SELANGOR	i. SAM Jeram ii. SAM Tanjung Karang	2	72
4.	SAMT KUALA KUBU BHARU, HULU SELANGOR	i. SAMT Kuala Kubu Bharu ii. SAM Rawang iii. SAM Sungai Selisek	2	72
5.	SAMT SULTAN SALAHUDDIN ABD. AZIZ SHAH, BATU 38, SABAK BERNAM	i. SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38, Sabak Bernam ii. SAM Parit Baru iii. SAM Tengku Ampuan Jemaah, Sungai Besar	4	144
6.	SAMT TENGKU AMPUAN JEMAAH, SHAH ALAM, PETALING	i. SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam ii. SAM Paya Jaras	1	42
7.	SAM PASIR PANJANG	i. SAM Pasir Panjang ii. SAM Sg Hj Dorani	1	36
8.	SAM BANDAR BARU SALAK TINGGI, SEPANG	i. SAM Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang ii. SAM Sungai Merab Luar	2	72
9.	MITS BAGAN TERAP	i. MITS Bagan Terap ii. SAM Bagan Terap	2	80
10.	Penempatan di SAM/ SAMT yang terhampir mengikut alamat rumah.	i. SAM Bestari, USJ 5, Subang Jaya ii. MITS Istana Bandar, Kuala Langat iii. MITS Alam Impian, Klang iv. MITS Bagan Terap, Sabak Bernam v. MITS Bagan Lalang, Sepang vi. MITS Pandan Indah, Hulu Langat		
		v. Sekolah dari Luar/ Persendirian permohonan secara atas talian https://esekolah.jais.gov.my		
	JUMLAH PELAJAR			708

**PELAN TINDAKAN PROSES PERMOHONAN KEMASUKAN PELAJAR KE
TINGKATAN ENAM (6) SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)
SAM/ SAMT & MITS NEGERI SELANGOR TAHUN 2026**

BI L	BUTIRAN	TARIKH	TINDAKAN	CATATAN
1.	Penyediaan dokumen permohonan kemasukan pelajar ke Tingkatan 6 STAM 2026.	Ogos 2025	Seksyen SAM	
2.	Taklimat pelaksanaan permohonan kemasukan pelajar ke Tingkatan 6 STAM SAM/SAMT, MITS dan calon persendirian 2026.	25 Ogos 2025	Seksyen SAM	
3.	Keluarkan surat maklumat dan pautan borang atas talian permohonan kemasukan pelajar ke Tingkatan 6 STAM ke SAM/SAMT, MITS, dan UPI, PAID.	02 September 2025	Seksyen SAM	Borang permohonan secara <i>atas talian</i>
4.	Sekolah memberi taklimat kepada pelajar	08 - 12 Sept 2025	Pengetua / Penyelaras STAM	
5.	Pelajar mengisi permohonan Tingkatan Enam (6) STAM secara atas talian di https://esekolah.jais.gov.my	15 September – 15 Oktober 2025	Pelajar	
6.	Jabatan mengeluarkan status permohonan dan surat tawaran Tingkatan 6 STAM 2026 kepada pemohon yang berjaya.	14 November 2025	Seksyen SAM	
7.	Penerimaan maklum balas dari pelajar yang ditawarkan ke Tingkatan 6 STAM 2026.	14 – 28 November 2025	Pengetua, PK HEM & Pembantu Tadbir Sekolah	
8.	Permohonan rayuan secara dalam talian	14 – 21 November 2025	Seksyen SAM	
9.	Proses Rayuan	01 – 03 Disember 2025	Seksyen SAM	
10.	Jabatan mengeluarkan status permohonan dan surat tawaran Tingkatan 6 STAM 2026 kepada pemohon yang berjaya dalam rayuan.	05 Disember 2025	Seksyen SAM	
11.	Penerimaan maklum balas tawaran rayuan ke Tingkatan 6 STAM 2026.	08 – 19 Disember 2025	Pengetua SAM, SAMBEST & MITS	
12.	Pendaftaran pelajar Tingkatan Enam (6) STAM 2026.	19 Januari 2026	Seksyen SAM	Hari pertama persekolahan
13.	Proses permohonan rayuan seterusnya (sekiranya ada kekosongan)	19 Januari - 19 Februari 2026	Seksyen SAM	

**Seksyen SAM,
Unit Pengurusan Sekolah,
Bahagian Pendidikan Islam
Jabatan Agama Islam Selangor**

Nama :
(isikan nama penuh pelajar seperti dalam My kad)

Alamat :
.....
.....

Tarikh :

Kepada :

Pengetua,

SAM/SAMT
.....
.....

Tuan/Puan,

**MAKLUM BALAS PENERIMAAN TAWARAN KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM (6) STAM
DI SEKOLAH AGAMA MENENGAH TINGGI (SAMT) DAN MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ
SELANGOR (MITS) SABAK BERNAM TAHUN 2026**

Saya No. K/P
(isikan nama penuh pelajar)

dengan sukacita memaklumkan kepada pihak tuan bahawa saya menerima / menolak *
tawaran ini.

2. Sehubungan dengan itu, saya akan mendaftar di sekolah yang ditawarkan dan mengikuti
pengajian Tingkatan Enam (6) STAM sehingga tamat.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

Disaksikan oleh Penjaga,

.....
Tandatangan Pelajar

.....

Nama :

Nota :

Sila hantar borang maklum balas ini ke sekolah yang ditawarkan sebelum atau pada **03 - 14 November 2025**. Tawaran ini akan **TERBATAL** sekiranya borang maklum balas tidak dihantar pada tarikh yang ditetapkan.

* potong yang tidak berkenaan

PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN

1. Senarai Tugas Permohonan Kemasukan Pelajar Tingkatan Enam (6) STAM Sekolah Agama Menengah (SAM) dan MITS Negeri Selangor tahun 2026.
2. Pelan Tindakan Proses Permohonan Kemasukan Pelajar Tingkatan Enam (6) STAM Sekolah Agama Menengah (SAM) dan MITS Negeri Selangor tahun 2026.
3. Garis Panduan Permohonan Kemasukan Pelajar Tingkatan Enam (6) STAM Sekolah Agama Menengah (SAM)/ Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Negeri Selangor tahun 2026.
4. Taklimat/Pemakluman oleh Pengetua/GPK Tingkatan 6 STAM/Penyelaras Tingkatan 6 STAM berkaitan proses kerja Permohonan Kemasukan Pelajar Tingkatan Enam (6) STAM yang dilaksanakan kepada pelajar.
5. Proses Rayuan Permohonan Kemasukan Tingkatan Enam (6) STAM.
6. Kerjasama dengan PPTA Daerah memastikan pelaksanaan permohonan kemasukan Tingkatan Enam (6) STAM dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.
7. Proses Permohonan Tingkatan Enam (6) STAM hendaklah mengikut proses kerja yang ditetapkan selaras dengan *Prosedur MS ISO 9001:2015 dan EOMS ISO 21001:2018* yang dilaksanakan di Jabatan Agama Islam Selangor.